



JURNAL LINGUISTIK Vol. 28 (2) November 2024 (090-103)

Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Generasi Muda Masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor

¹Muhammad Danial Danish Yusman & ²Noor Saadah Salleh*

¹danialdanish2001@gmail.com & ²saadahsalleh@uitm.edu.my

*Jabatan Pengajian Melayu,
Akademi Pengajian Bahasa,
Universiti Teknologi Mara, Shah Alam*

Tarikh terima : 30 September 2024
Received
 Terima untuk diterbitkan : 03 November 2024
Accepted
 Tarikh terbit dalam talian : 30 November 2024
Published online

Abstrak

Masyarakat Jawa merupakan kumpulan minoriti di Malaysia. Kewujudan masyarakat Jawa di Malaysia adalah hasil daripada proses penghijrahan orang Jawa ke Tanah Melayu sejak zaman pemerintahan Belanda. Penghijrahan yang berlaku telah memberi pelbagai kesan kepada masyarakat Jawa antaranya adalah melibatkan bahasa. Hal ini menyebabkan kepupusan Bahasa Jawa dalam kalangan generasi muda Jawa. Hal ini demikian kerana mereka lebih memilih bahasa yang lebih dominan iaitu bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan bagi meneliti pemilihan bahasa yang berlaku dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dan menganalisis pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor seramai 83 orang berdasarkan domain Fishman (1972). Empat domain telah diuji iaitu domain kekeluargaan, persahabatan, pendidikan dan keagamaan. Data kajian yang diperoleh berdasarkan penggunaan pendekatan campuran yang terdiri daripada kaedah kuantitatif dan kualitatif. Data kuantitatif pemilihan bahasa diperoleh dengan menggunakan instrumen borang soal selidik serta dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Data kuantitatif ini disokong oleh data kualitatif tentang pemilihan bahasa menerusi kaedah pemerhatian. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menjadi pilihan utama berbanding bahasa Jawa dalam keempat-empat domain yang diuji iaitu domain kekeluargaan, pendidikan, persahabatan dan keagamaan.

Kata kunci: Bahasa Jawa; domain bahasa; generasi muda masyarakat Jawa; pemilihan bahasa; Sociolinguistik

Language Choice Among The Younger Generation of The Javanese Community in Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor

Abstract

The Javanese community in Malaysia, a minority group with roots tracing back to migrations during Dutch rule, faces significant language shifts. As younger generations increasingly favor Malay over Javanese, the latter's use is diminishing. This study focuses on language choice among 83 young Javanese individuals in Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor, using Fishman's (1972) framework across four domains: family, friendship, education, and religion. Employing a mixed-methods approach, the research gathered quantitative data through a questionnaire analyzed with SPSS, complemented by qualitative observations. Research findings have shown that the Malay language has become the primary choice over Javanese in all four domains tested: family, education, friendship, and religion.

Keywords: Javanese language; language domain; the young generation of the Javanese community; language selection; Sociolinguistics

1. Pengenalan

Pemilihan bahasa biasanya terjadi apabila terdapat lebih daripada satu bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi dalam sesuatu komuniti. Pemilihan bahasa akan berlaku apabila sesebuah komuniti itu perlu memilih hanya satu bahasa sahaja untuk digunakan ketika berkomunikasi. Kewujudan pelbagai bahasa ini dipengaruhi oleh latar belakang masyarakat yang ada dalam sesebuah komuniti seperti keturunan, bahasa ibunda, budaya dan cara hidup. Pilihan bahasa adalah satu keperluan dalam hidup masyarakat yang pelbagai bahasa untuk mereka dapat berhubung dan digunakan bersama-sama oleh semua ahli masyarakat dalam kehidupan sehari-hari (Mohamed Azlan Mis, 2020).

Fenomena pemilihan bahasa sering kali berlaku dalam kalangan masyarakat minoriti dan fenomena ini bukan perkara baharu. Kebiasaannya, kelompok masyarakat minoriti mempunyai kebolehan untuk menggunakan sekurang-kurangnya dua bahasa untuk berkomunikasi. Hal ini dipengaruhi oleh perkembangan kehidupan moden kini yang secara tidak langsung telah mempengaruhi penggunaan bahasa terutamanya dalam kalangan generasi muda. Generasi muda masa kini lebih cenderung terpengaruh dengan penggunaan bahasa dominan yang digunakan oleh masyarakat di sekeliling mereka. Misalnya, jika sebuah komuniti majoriti menggunakan bahasa Melayu maka golongan muda dalam komuniti tersebut akan lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu semasa berkomunikasi.

Antara masyarakat minoriti yang terdapat di Malaysia ialah masyarakat Jawa. Kewujudan masyarakat Jawa di Malaysia adalah hasil daripada proses penghijrahan orang Jawa daripada Indonesia ke Tanah Melayu sejak zaman pemerintahan Belanda (Zainorinyana Jamoran Yana & Vivien WC Yew, 2017). Menurut Noriah Mohamed (2001), Pulau Jawa merupakan tujuh peratus daripada keseluruhan kepulauan Indonesia dengan kepadatan penduduk sekitar 60 juta orang. Proses migrasi orang Jawa ke Tanah Melayu ini dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Hal ini membuktikan kehidupan masyarakat Melayu dipengaruhi oleh cara hidup, seni mahupun cara pemakaian dan bahasa masyarakat Jawa. Oleh itu, penghijrahan ini menyebabkan wujudnya perkahwinan campur antara masyarakat Jawa daripada Indonesia dengan masyarakat Melayu yang berada di Tanah Melayu. Hal ini yang menyebabkan kemunculan kelompok minoriti Jawa di Malaysia yang menggunakan bahasa Jawa semasa berkomunikasi.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam generasi muda Jawa dan menganalisis pemilihan bahasa mengikut domain. Teori Analisis Domain oleh Fishman (1972) digunakan untuk mengkaji pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya. Domain berfungsi untuk membolehkan seseorang itu memahami fenomena pemilihan bahasa dalam kalangan penutur yang mempunyai pelbagai kelainan bahasa. Setiap domain dibentuk berdasarkan penutur, tempat dan topik perhubungan.

1.2 Pernyataan Masalah

Fenomena pemilihan bahasa dalam masyarakat minoriti seringkali berlaku dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya adalah status bahasa tersebut dalam masyarakat. Banyak bahasa minoriti yang berdepan dengan fenomena ini dan tidak terkecuali bahasa Jawa. Ada segelintir masyarakat Jawa kini berpandangan penggunaan bahasa Jawa akan menyebabkan mereka dikenali sebagai orang kampung, orang yang tidak berpendidikan dan hanyalah seorang petani kampung (Karim Harun & Maslinda Yusof, 2015 dipetik dalam Mastika Adilah Atan, 2022). Pemikiran seperti ini telah menyebabkan pemilihan bahasa dalam kalangan penutur mula beralih kepada bahasa bahasa yang lebih tinggi status atau lebih dominan penggunaanya dalam masyarakat.

Generasi muda masyarakat Jawa juga kini lebih dilihat menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa yang merupakan bahasa ibunda mereka. Menurut Muhammad Firdaus Pawit

dan Normadiyah (2014) generasi muda berketurunan Jawa dalam lingkungan umur 13 hingga 18 tahun paling kurang menggunakan bahasa Jawa terutamanya dalam pertuturan seharian mereka. Salah satu daripada faktor penggunaan bahasa Jawa yang semakin berkurang adalah disebabkan oleh pengaruh bahasa Melayu yang lebih dominan dan telah menyebabkan masyarakat Jawa beralih menggunakan bahasa Melayu (Karim Harun & Maslinda Yusof, 2015). Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan mengenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda Jawa di Kampung Seri tiram Jaya sama ada masih memilih menggunakan bahasa Jawa atau sebaliknya.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk:

1. Menenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjung Karang Selangor.
2. Menganalisis pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa berdasarkan domain Fishman (1972)

2. Sorotan Literatur

Antara kajian pemilihan bahasa melibatkan masyarakat minoriti adalah kajian yang dijalankan oleh Khairul Ashraaf Saari & Harishon Radzi (2023). Kajian telah menumpukan kepada pemilihan bahasa dalam kalangan peserta latihan dan dakwah orang Asli, Kok Lanas berdasarkan tiga domain semasa Pengajaran & Pembelajaran (P&P), domain semasa berinteraksi dengan kelainan etnik dan domain semasa bersosial. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti bahasa pilihan dan menghuraikan pemilihan bahasa berdasarkan tiga domain serta untuk menjelaskan faktor pengaruh domain terhadap pemilihan bahasa dalam kalangan peserta PULDOA. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan teori Analisis Domain oleh Fishman (1972) dan menggunakan instrumen soal selidik dan sesi temu bual di tempat kajian lapangan bagi mengumpulkan data.

Seterusnya ialah kajian daripada Nurul Jannah Hussin & Mohamad Suhaizi Suhaimi (2023). Kajian ini berkaitan dengan pemilihan dan penguasaan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun. Objektif kajian ini ialah untuk menilai pemilihan bahasa dalam kalangan anak pasangan kahwin campur Orang Asli Jakun serta untuk menganalisis penguasaan bahasa Melayu anak-anak pasangan Anak Orang Asli yang berkahwin campur. Teori yang digunakan bagi melaksanakan kajian ini menerusi teori Analisis Domain oleh Fishman (1972) dan hanya memfokuskan kepada satu domain sahaja, iaitu domain kekeluargaan yang menepati dengan objektif kajian tersebut. Kaedah kajian yang digunakan melalui kaedah kuantitatif. Para responden yang terdiri daripada anak-anak Orang Asli Jakun lebih memilih bahasa Melayu dalam komunikasi seharian mereka serta penguasaan bahasa lebih kepada bahasa Melayu berbanding bahasa Orang Asli Jakun.

Kajian tentang pemilihan bahasa yang menggunakan domain dalam kalangan generasi muda Murut, Sabah telah dilakukan oleh Saidatul Nornis Hj. Mahali, Aishah Tamby Omar, & Wong Mee Mee (2022). Kajian ini telah meneliti beberapa aspek antaranya ialah mengenal pasti pemilihan bahasa yang digunakan oleh generasi muda Murut dalam komunikasi mengikut domain keluarga, domain persahabatan dan pendidikan. Kajian ini untuk mengkaji isu keterancaman bahasa dalam kalangan generasi muda yang kurang menggunakan bahasa ibunda dalam komunikasi. Kajian menggunakan teori Fishman (1972) untuk mengaplikasikan kerangka domain bagi menganalisis pemilihan bahasa generasi tersebut. Kaedah kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini untuk data yang telah dikenal pasti akan dianalisis dan keberhasilan kajian ini akan memperlihatkan perubahan pilihan bahasa yang telah berlaku oleh penutur dalam kalangan generasi muda Murut, Sabah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kebanyakan penutur remaja Murut, Sabah bertembung dengan individu yang berbeza dan penggunaan bahasa ibunda mereka hanya sekadar mengikut kepada keperluan dan persekitarannya.

Selain itu, Nurul Syahira Batjo dan Mohammed Azlan Mis (2022) dengan kajiannya berkaitan pemilihan bahasa suku kaum Melanau di Mukah, Sarawak. Berdasarkan analisis kajian ini menerangkan semua responden masih berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemilihan bahasa yang digunakan oleh suku kaum Melanau Mukah dalam pertuturan seharian mereka dan juga akan mengkaji faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa serta

kesan fenomena pemilihan bahasa terhadap perkembangan bahasa. Justeru, pengkaji telah menggunakan kaedah deskriptif. Di samping itu, kaedah soal selidik turut dilakukan untuk menganalisis akan pemilihan bahasa mengikut domain yang menggunakan Bahasa Melanau. Hasil kajian menunjukkan hanya domain-domain tertentu sahaja yang masih menggunakan bahasa Melanau, Sarawak manakala lebi menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi .

Kajian oleh Reddan B. et al. (2020) pula adalah berkaitan domain dan bahasa pilihan tiga generasi etnik Bajau Sama Kota Belud. Kajian ini menggunakan teori domain Fishman (1972) untuk mengkaji pemilihan bahasa khususnya oleh peserta dalam kajiannya yang penempatan di Kampung Taun Gusi, Kota Belud, Sabah. Sebanyak enam domain iaitu domain kekeluargaan, pendidikan, keejiran, jual-beli, perkhidmatan dan juga domain keagamaan telah diuji bagi melihat pemilihan bahasa masyarakat. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan tinjauan soal selidik kepada generasi pertama, generasi kedua dan generasi ketiga. Hasil dapatan kajian ini telah mengenal pasti generasi pertama masih mengekalkan dengan penggunaan bahasa Bajau manakala generasi kedua dan ketiga sudah beralih kepada bahasa Melayu terutamanya dalam domain keluarga dan domain keejiran.

Selain itu, ialah kajian berkaitan pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Kampung Serigala, Hulu Selangor oleh Siti Aisah Zailani, Riduan Makhtar, & Mohd Sharifudin Yusop (2019). Objektif kajian ini untuk mengenal pasti pemilihan bahasa yang digunakan untuk berinteraksi dalam masyarakat Semai di perkampungan Orang Asli di Kampung Serigala. Kajian ini juga telah memperlihatkan bahasa Semai ini masih relevan digunakan sebagai bahasa ibunda semasa interaksi sosial mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, perubahan bahasa itu dapat dilakukan oleh seseorang penutur mengikut kesesuaian bagi fungsi penggunaan bahasa tersebut. Kajian ini telah menggunakan kajian lapangan bagi mengumpul data primer di kawasan kajian. Selain itu, pendekatan gabungan kualitatif dan kuantitatif telah digunakan untuk menganalisis bentuk bahasa di kawasan tersebut. Pendekatan ini disokong oleh teori domain mengikut Fishman (1972) untuk menganalisis pemilihan bahasa dan penggunaannya dalam kalangan masyarakat Semai. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan masyarakat Semai masih lagi menggunakan bahasa Semai dalam interaksi terutamanya dalam domain kekeluargaan sahaja.

Nurul Atikah Marshid & Sa'adiah Ma'alip (2018) juga telah menjalankan kajian tentang pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual: Minoriti Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah. Antara objektif kajian ialah mengenal pasti kekerapan bahasa yang digunakan oleh masyarakat Siam di Alor Setar dalam empat domain yang telah dipilih oleh pengkaji dan menghuraikan tanggapan terhadap pemilihan bahasa. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kaedah campuran yang terdiri daripada gabungan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Pengedaran soal selidik dengan kepada penduduk di kawasan kajian seramai 100 orang responden dan ada beberapa informan telah dipilih untuk ditemu bual oleh pengkaji bagi mengumpul data-data yang berkenaan. Domain-domain yang dipilih oleh pengkaji menerusi kerangka teori Fishman (1972) ialah domain kekeluargaan, domain keejiran atau persahabatan, domain keagamaan dan domain pekerjaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan minoriti masyarakat Siam masih mengekalkan bahasa Siam namun hanya pada beberapa domain sahaja seperti domain keluarga dan domain keejiran.

Berdasarkan kajian lepas yang telah diteliti terdapat satu kajian lepas yang mempunyai perkaitan dengan bahasa Jawa. Kajian daripada Mastika Adilah Atan (2022), bertajuk Pemuliharaan Bahasa Jawa di Kalangan Masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Skop kajian ini berbeza kerana tidak memfokuskan kepada generasi muda masyarakat Jawa. Kajian Mastika Adilah (2022) hanya memfokuskan cara-cara untuk pemuliharaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa. Penggunaan metodologi kajian juga berbeza kerana kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sahaja menerusi kaedah lapangan dan soal selidik. Kajian ini mempunyai persamaan kerana menggunakan teori domain yang telah dikemukakan oleh Fishman (1972) untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan responden kajian. Hasil dapatan kajian ini telah mendapati bahawa kebanyakan generasi muda kurang menggunakan bahasa Jawa dalam komunikasi harian mereka kerana tidak mempunyai pengetahuan yang meluas.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah diteliti terdapat persamaan daripada sudut penggunaan teori yang telah digunakan. Kesemua kajian telah menerapkan teori Fishman (1972) bagi mengenal pasti

pemilihan bahasa menerusi domain-domain yang telah ditetapkan. Teori ini sangat bersesuaian untuk digunakan dalam kajian pemilihan bahasa dalam bidang sociolinguistik. Hal ini kerana kajian pemilihan bahasa merupakan kajian yang memperhitungkan perbezaan bahasa dalam masyarakat dan hubungannya dengan kelompok yang lebih ramai. Perkara ini disokong oleh Spolsky (1998), pendekatan analisis domain Fishman (1972) merupakan cara terbaik untuk mengklasifikasikan situasi sosial dalam tiga ciri yang tertentu iaitu tempat, hubungan-peranan dan topik. Oleh itu, wajar kajian pemilihan bahasa ini menggunakan teori Fishman (1972) untuk mengenal pasti pemilihan bahasa terhadap responden yang dikaji kerana meliputi aspek hubungan dan bahasa bagi setiap penutur.

Domain adalah idea yang berguna dalam menyiasat penggunaan bahasa individu dan masyarakat, (Spolsky & Fishman, 1972). Begitu juga bahasa penutur dalam komuniti etnik multibahasa yang cenderung kepada bahasa dengan domain tertentu. Domain merujuk kepada latar interaksi kepada tujuan, ruang, atau kumpulan orang tertentu masyarakat, seperti domain kerja, domain keluarga, atau domain agama. Sebagai contoh, bahasa yang dituturkan di rumah atau di kawasan kejiranan seseorang mungkin berbeza daripada bahasa yang dituturkan di sekolah atau di tempat kerja.

Secara khususnya, domain bermaksud rumpun sosial yang secara tipikal dikawal oleh set rumus perilaku yang lazim atau sebaliknya. Kaitan antara kedua-dua unsur digambarkan dalam definisi domain yang diutarakan oleh Fishman (1972: 442) di bawah:

...regardless of their number, in terms of institutional contexts and their congruent behavioral co-occurrences. They attempt to summate the major clusters of interaction that occur in clusters of multilingual settings and involving clusters of interlocutors. Domains enable us to understand that language choice and topic, appropriate though they may be for analyses of individual behavior at the level of face-to-face verbal encounters, are, as we suggested above, related to widespread socio-cultural norms and expectations.

Pendekatan domain dibuktikan dengan mengkaji pilihan bahasa (Fishman 1972, Ervin-Tripp 1972, Holmes 2001, Noriah & Meriam 2005; Azlan Mis, 2011). Dengan adanya aspek domain ini, kajian pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa yang dijalankan akan menghasilkan keputusan yang tepat bagi menentukan pilihan bahasa suku kaum tersebut. Oleh itu, Fishman (1972) memperkenalkan sembilan domain pilihan bahasa dalam sesebuah pertuturan masyarakat, iaitu keluarga, persahabatan, agama, pendidikan, jual beli, pekerjaan, kejiranan pemerintahan dan transaksi.

Dalam kajian ini, hanya empat domain sahaja yang dikaji iaitu domain keluarga, domain pendidikan, domain agama dan domain persahabatan. Pemilihan domain ini selaras dan seimbang kerana dua domain daripada domain tinggi (domain pendidikan, dan domain agama) manakala domain rendah (domain keluarga dan domain persahabatan).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini telah mengaplikasikan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Gabungan kedua-dua pendekatan ini dikenali sebagai pendekatan campuran. Menurut Sugiyono (2011) dalam Nurul Atikah & Sa'adiah Ma'alip (2018) pendekatan campuran sangat relevan dalam kajian sociolinguistik kerana merupakan kombinasi antara penelitian kuantitatif dan kualitatif sehingga mampu memperoleh data yang lebih tepat. Pendekatan campuran ini amat penting untuk mengenal pasti dan menganalisis pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor.

Antara kaedah yang digunakan dalam pendekatan campuran ini adalah kaedah soal selidik. Kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan data berkaitan pemilihan penggunaan bahasa dalam empat domain yang terdiri daripada domain keluarga, pendidikan, agama dan persahabatan. Sebanyak 100 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. Namun hanya 83 borang sahaja yang telah dipilih untuk dianalisis kerana menepati kriteria yang telah ditetapkan. Kriteria responden yang perlu dipatuhi adalah responden haruslah berumur daripada 15 tahun hingga 35 tahun, terdiri daripada individu berketurunan Jawa atau salah satu daripada ibu atau bapanya berketurunan Jawa.

Alat kajian yang terdiri daripada borang soal selidik telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soalan berbentuk soalan demografi dengan 10 soalan manakala bahagian B pula ialah soalan-soalan berkaitan dengan pemilihan bahasa oleh generasi muda masyarakat Jawa berdasarkan empat domain yang dikaji. Setiap domain mempunyai 5 dan 6 soalan yang mempersoalkan akan aspek pemilihan bahasa yang digunakan oleh responden. Semua soalan yang telah dibina mempunyai tujuan untuk mendapatkan data daripada responden bagi mencapai objektif kajian ini.

Seterusnya dalam kajian ini turut menerapkan kaedah pemerhatian. Kaedah pemerhatian memberikan peranan dalam mengumpulkan data kajian yang memberikan pembatasan tegas dan pemerhatian pada suatu kerangka pemikiran (Bachtar, 1985). Pembatasan tegas terhadap sasaran pemerhatian telah dilakukan sehingga pemerhatian terarah atau terfokus. Pembatasan ini disesuaikan dengan tujuan dan masalah pengkajian, tentang perkara yang ingin diterangkan, dan fakta yang digunakan untuk menerangkan. Oleh itu, dengan kaedah ini kajian telah membataskan beberapa situasi dan latar belakang perbualan dalam situasi pemilihan bahasa bagi setiap domain yang dipilih. Justeru itu, setiap domain hanya membataskan beberapa situasi pemilihan bahasa untuk mengenal pasti pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor.

3.1 Persampelan Kajian

Persampelan rawak mudah telah digunakan dalam kajian ini bagi mengumpulkan sampel kajian. Persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) adalah satu kaedah persampelan di mana setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Dalam kaedah ini, setiap ahli populasi dipilih secara rawak tanpa sebarang corak atau susunan tertentu. Cara ini memastikan bahawa sampel yang diambil adalah wakil bagi populasi keseluruhan dan bebas. Kaedah ini sering digunakan dalam penyelidikan kuantitatif untuk mendapatkan data yang lebih umum dan dapat diwakili dengan baik bagi keseluruhan populasi. Berdasarkan kaedah ini, 100 borang soal selidik telah diedarkan secara rawak dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. Namun, hanya 83 borang selidik sahaja telah dipilih sebagai sampel berdasarkan ketentuan kriteria yang telah ditetapkan. Jumlah ini adalah memadai bagi kajian yang dilaksanakan. Roscoe J. T. (1975) yang menyatakan bahawa sampel di antara 30 hingga 500 orang adalah sesuai diguna pakai dalam penentuan reka bentuk dan saiz sampel kajian.

3.2 Responden Kajian

Kategori responden dikategorikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan lelaki dan kumpulan perempuan. Jadual 3.2.1 menunjukkan kategori responden mengikut jantina.

Jadual 3.2.1 Jantina

JANTINA	KEKERAPAN	PERATUS
LELAKI	35	42%
PEREMPUAN	48	58%
JUMLAH	83	100%

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 58% daripada jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada responden lelaki manakala 42% yang lain merupakan responden yang berkategori perempuan. Dalam erti lain, jumlah responden perempuan lebih ramai berbanding responden lelaki yang menjawab soal selidik kajian ini.

Seterusnya, taburan responden ini telah dibahagikan kepada tiga kumpulan umur dalam lingkungan 15 tahun hingga 20 tahun (kumpulan A), kumpulan umur dalam lingkungan 21 tahun hingga 30 tahun (kumpulan B) dan kumpulan umur dalam lingkungan 31 tahun hingga 35 tahun (kumpulan C). Jadual 3.2.2 di bawah menunjukkan taburan responden mengikut lingkungan kumpulan umur.

Jadual 3.2.2 Kumpulan Umur Responden

KUMPULAN UMUR	KEKERAPAN	PERATUS
15 HINGGA 20 TAHUN	33	39%
21 HINGGA 30 TAHUN	39	47%
31 HINGGA 35 TAHUN	11	13%
JUMLAH	83	100%

Berdasarkan jadual di atas, seramai 83 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Perbezaan kumpulan umur mereka ini dibahagikan kepada tiga kumpulan. Dalam erti kata lain, jumlah responden yang paling banyak terlibat dalam menjawab soal selidik ini dalam kumpulan B merangkumi 47% (iaitu seramai 39 orang) daripada keseluruhan jumlah responden yang terlibat.

3.3 Lokasi Kajian

Lokasi bagi kajian ini adalah Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. Perkampungan tersebut merupakan sebuah kampung warisan yang terpelihara. Pada asalnya, masyarakat di kampung ini sepenuhnya hanya berbangsa Melayu. Namun hasil daripada proses penghijrahan orang Jawa daripada Indonesia ke Tanah Melayu sejak zaman pemerintahan Belanda telah mewujudkan komuniti Jawa di Kampung Seri tiram Jaya, Selangor. Selain itu juga hasil penghijrahan masyarakat Jawa ini telah membawa kepelbagaian cara hidup yang baru pada masyarakat Melayu di kampung tersebut seperti budaya, kesenian, pemakaian dan bahasa Jawa itu sendiri.

4. Dapatan dan Perbincangan

Dapatan kajian secara keseluruhannya telah memperlihatkan status penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan generasi muda Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Selangor. Status ini dilihat berdasarkan pemilihan bahasa oleh generasi muda masyarakat Jawa adalah seperti dalam jadual berikutnya dalam empat domain yang telah diuji iaitu domain kekeluargaan, pendidikan, agama dan persahabatan.

Jadual 4.1: Pemilihan Bahasa dalam Domain Keluarga

Soalan/Pilihan Bahasa		KEKERAPAN (%)					
		BM	BJ	BM + BJ	BM+BI	BM+ BNJR	JUMLAH
1.	Ketika Bercakap Dengan Datuk	49 (59%)	31 (37.3%)	3 (3.7%)	0 (%)	0 (%)	83 (100%)
2.	Ketika Bercakap Dengan Nenek	51 (61.4%)	30 (36.1%)	1 (1.2%)	0 (%)	1 (1.2%)	83 (100%)
3.	Ketika Bercakap Dengan Ibu	46 (55.4%)	33 (39.8%)	3 (3.6%)	0 (%)	1 (1.2%)	83 (100%)

4.	Ketika Bercakap Dengan Bapa	55 (66.2%)	23 (27.7%)	4 (4.8%)	0 (%)	1 (1.2%)	83 (100%)
5.	Ketika Bercakap Dengan Suami Isteri	16 (88%)	2 (12%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	18 (100%)
6.	Ketika Bercakap Dengan Anak-anak	16 (88%)	2 (12%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	18 (100%)
7.	Ketika Bercakap Dengan Ipar Duai	13 (72%)	5 (28%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	18 (100%)
8.	Ketika Bercakap Dengan Mertua	13 (72%)	5 (28%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	18 (100%)
9.	Ketika Bercakap Dengan Besan	14 (78%)	4 (22%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	18 (100%)

Nota : Bahasa Melayu (BM), Bahasa Jawa (BJ), Bahasa Inggeris (BI), Bahasa Banjar (BNJR)

Dalam domain kekeluargaan, dapatan memperlihatkan setiap bahasa yang dipilih merupakan bahasa yang biasa digunakan semasa bertutur dengan ahli keluarga. Secara keseluruhannya bahasa Melayu merupakan bahasa yang paling tinggi digunakan dalam domain ini adalah bahasa Melayu. Peratusan pemilihan penggunaan bagi bahasa Melayu telah mencatatkan jumlah 50% dan ke atas berbanding bahasa-bahasa lain. Bahasa Jawa juga menjadi pilihan generasi muda masyarakat Jawa tetapi tidak menjadi pilihan utama mereka untuk berkomunikasi dan hanya mencatat peratusan tidak melebihi 40%. Selain itu, ada juga dalam kalangan generasi muda Jawa yang menggunakan bahasa campuran melibatkan bahasa Melayu dan bahasa Jawa (BM+BJ) dalam domain keluarga dan jumlah mereka tidak melebihi 5%. Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat juga generasi muda Jawa yang menggunakan bahasa campuran bahasa Melayu dan bahasa Banjar (BM +BNJR) dalam domain ini. Namun, jumlah mereka adalah terlalu kecil dan tidak melebihi 2%. Pemilihan BM + BNJR hanya berlaku ketika berkomunikasi bersama nenek, ibu dan bapa sahaja.

Berdasarkan dapatan, walaupun bahasa Jawa masih menjadi pilihan untuk berkomunikasi, namun bahasa pilihan utama adalah bahasa Melayu. Hal ini telah memberi gambaran berkaitan status pelestarian bahasa Jawa dalam komuniti kekeluargaan yang sepatutnya menyumbang kepada pewarisan bahasa. Penggunaan bahasa dalam sesebuah keluarga memperlihatkan struktur warisan bahasa yang diwarisi. Institusi kekeluargaan merupakan penyambung kepada kelestarian bahasa ibunda dalam komuniti keluarga (Riduan Maktar et. al, 2019). Datuk dan nenek menjadi wahana kelestarian penggunaan sesuatu bahasa secara turun temurun manakala generasi muda pula berperanan sebagai penggerak bahasa. Selain itu, penglibatan ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam membimbing anak-anak untuk menguasai kemahiran bertutur (Dawit Yikealo dan Meriem Hasan, 2018). Sasse (1992) melalui teoretikal kematian bahasa minoriti telah melihat isu pewarisan bahasa sebagai wadah bagi menguji status sesuatu bahasa. Pilihan bahasa yang dibuat oleh orang yang lebih dewasa biasanya akan mempengaruhi golongan yang lebih muda.

Dalam konteks masyarakat Jawa, ibu bapa generasi muda masyarakat Jawa kini lebih menengahkan penggunaan bahasa Melayu ketika berkomunikasi di rumah berbanding bahasa Jawa agar dapat menguasai komunikasi yang baik bersama keluarga. Faktor lain seperti perkahwinan campur dan persekitaran keluarga menjadi penyumbang kepada pemilihan bahasa yang berlaku.

Jadual 4.2 : Pemilihan Bahasa dalam Domain Pendidikan

Soalan/Pilihan Bahasa		KEKERAPAN (%)					
		BM	BJ	BI	BA	BNJR	JUMLAH
1.	Ketika Bercakap Dengan Guru Sebangsa	80 (96.4%)	3 (3.6%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	83 (100%)
2.	Ketika Bercakap Dengan Guru Berlainan Bangsa	83 (100%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	83 (100%)
3.	Ketika Bercakap Dengan Rakan Sekelas	79 (95.2%)	4 (4.8%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	83 (100%)
4.	Bermain Dengan Rakan Sebangsa Ketika Sesi Persekolahan	83 (100%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	83 (100%)
5.	Bermain Dengan Rakan Berlainan Bangsa Ketika Sesi Persekolahan	83 (100%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	83 (100%)

Nota : Bahasa Melayu (BM), Bahasa Jawa (BJ), Bahasa Inggeris (BI), Bahasa Arab (BA), Bahasa Banjar (BNJR)

Dalam domain pendidikan, dapatan telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Jawa telah dipilih oleh generasi muda masyarakat Jawa ketika berkomunikasi dalam domain pendidikan. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini pemilihan bahasa Melayu telah mencatatkan pemilihan bahasa tertinggi berbanding bahasa Jawa. Peratusan bagi pemilihan bahasa Melayu secara keseluruhannya mencatat jumlah melebihi 90% bagi lima soalan dalam domain ini. Pemilihan bahasa Jawa pula hanya berlaku apabila bertutur dengan guru sebangsa dan ketika bertutur dengan rakan sekelas sahaja dan jumlahnya tidak melebihi 5%.

Pemilihan penggunaan bahasa yang berlaku dalam domain ini turut dipengaruhi oleh dasar bahasa Kebangsaan yang telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Bahasa Melayu menjadi pilihan utama kerana memudahkan interaksi apabila bertutur dengan guru dan rakan sekelas terutamanya yang berlainan berlainan bangsa. Responden lebih selesa menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan guru yang berlainan bangsa kerana dapat memudahkan komunikasi dalam pembelajaran secara dua hala. Dalam erti kata lain, bahasa Melayu adalah bahasa yang digunakan dalam situasi formal seperti ketika responden berurusan dengan guru-guru di sekolah pada sesi persekolahan. Situasi ini sudah menjadi kebiasaan seorang pelajar wajib berkomunikasi bersama guru dengan bahasa yang formal (Nur Hanani Hussin et al. 2013).

Pemilihan bahasa dalam kalangan responden ketika berkomunikasi dengan komuniti sebangsa dalam domain pendidikan juga menunjukkan responden lebih memilih bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa. Situasi ini dapat dilihat dalam soalan 2 dan soalan 4 di mana kesemua responden (100%) memilih menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa sebagai bahasa komunikasi dengan guru dan rakan sebangsa. Hal ini memperlihatkan bahawa generasi muda Jawa telah terbiasa dengan penggunaan bahasa Melayu dalam aktiviti mereka dan perkara ini telah menunjukkan bahawa domain ini secara tidak langsung telah mempengaruhi pemilihan bahasa generasi muda Jawa.

Ross dan Wu (seperti yang dinyatakan dalam, Noor Saadah Salleh & Mohamad Sharifudin Yusuf, 2018) menyatakan bahawa pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperoleh dan mengekalkan kualiti kehidupan. Pendidikan juga bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup dengan cara memimpin individu ke arah sumber-sumber

ekonomi yang mantap, keupayaan kawalan diri, dan kestabilan hubungan sosial. Berganjak kepada aspek kebahasaan, domain ini memberi gambaran yang jelas berkaitan status masyarakat penuturnya berdasarkan bahasa yang menjadi pilihan utama. Justeru dalam domain pendidikan ini telah memperlihatkan kebanyakan generasi muda Jawa lebih memilih untuk menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa.

Jadual 4.3 : Pemilihan Bahasa dalam Domain Agama

DOMAIN KEAGAMAAN							
Soalan/Pilihan Bahasa		KEKERAPAN (%)					
		BM	BJ	BM + BJ	BM+BI	BM+BA	JUMLAH
1.	Ketika Berdoa Di Rumah	75 (90.4%)	2 (1.2%)	0 (%)	0 (%)	7 (8.4%)	83 (100%)
2.	Ketika Berdoa Di Masjid	75 (90.4%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	8 (9.6%)	83 (100%)
3.	Ketika Di Majlis Pengebumian	81 (97.6%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	2 (2.4%)	83 (100%)
4.	Ketika melakukan aktiviti keagamaan	79 (95.2%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	4 (4.8%)	83 (100%)

Nota : Bahasa Melayu (BM), Bahasa Jawa (BJ), Bahasa Inggeris (BI), Bahasa Arab (BA), Bahasa Banjar (BNJR)

Jadual 4.3 di atas telah menunjukkan pemilihan bahasa generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjong Karang dalam domain agama. Dalam domain ini, bahasa Melayu turut menjadi pilihan utama dengan kadar peratusan pemilihan melebihi 90% bagi setiap soalan yang diajukan. Bagi domain ini, bahasa Jawa paling kurang menjadi pilihan. Bahasa Jawa dilihat hanya digunakan ketika berdoa dirumah (Soalan 1) dan jumlah penggunaan hanya 1.2% sahaja. Oleh kerana semua responden beragama Islam, penggunaan bahasa Arab dalam domain ini juga adalah sesuatu yang wajar. Ada juga dalam kalangan responden yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Arab (BM+BA) dalam domain ini namun peratusan tertinggi adalah 9.6% dan melibatkan situasi ketika berdoa di masjid (soalan 2).

Secara keseluruhan, dalam keempat-empat soalan dalam domain agama ini, generasi muda masyarakat Jawa lebih memilih bertutur dalam bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa. Mereka tidak menggunakan sepenuhnya bahasa Jawa yang merupakan bahasa ibunda mereka malah menggunakan percampuran bahasa antara bahasa Melayu + bahasa Arab (BM+BA) dalam domain keagamaan. Bahasa Arab merupakan bahasa utama dalam agama Islam dan tidak boleh dipisahkan dengan pelaksanaan amal ibadah oleh umat Islam. Penggunaan bahasa Melayu dalam konteks agama Islam di Malaysia pula adalah berkait dengan majoriti penduduk dan kumpulan dominan. Di Malaysia bahasa Melayu dan agama Islam yang adalah dominan. Bahasa Melayu dan agama Islam mempunyai titik persamaan dan hubungan simbiotik yang menjadi bukti bahawa perkembangan bahasa dan peranan agama sangat penting. Titik pertemuan antara bahasa Melayu dengan agama Islam yang mengisyaratkan bahawa semakin tinggi kefahaman tentang agama, maka semakin meningkatlah keperluan kepada bahasa yang akan menyumbang kepada perkembangan penguasaan bahasa (Fahimi Zakaria, 2021).

Konteks pendidikan agama Islam di Malaysia juga memperlihatkan penyampaian ilmu agama secara formalnya adalah dalam bahasa Melayu. Penyampaian ilmu agama Islam di Malaysia secara umumnya juga kebanyakan adalah menggunakan bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu sebagai

wadah utama mengajar dan mempelajari agama bukanlah perkara baru kerana bahasa ini telah digunakan sejak bermulanya penyebaran agama Islam di alam Melayu.

Dengan melihat kembali kepada dapatan dalam domain ini, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pilihan utama adalah dilihat relevan kerana kebanyakan masyarakat Jawa yang telah menetap lama di Malaysia secara asasnya mendapat pendidikan formal di sekolah dan sudah pasti pengajaran ilmu agama disampaikan menggunakan bahasa Melayu. Selain itu, persekitaran dan hidup dalam kelompok majoriti juga sedikit sebanyak telah menyumbang kepada pemilihan bahasa yang lebih dominan.

Jadual 4.4 : Pemilihan Bahasa dalam Domain Persahabatan

Situasi/Pilihan Bahasa		KEKERAPAN (%)					
		BM	BJ	BM+BJ	BM+BI	BM+BNJR	JUMLAH
1.	Bercakap Dengan Rakan Di Kedai Runcit	78 (94%)	5 (6%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	83 (100%)
2.	Bercakap Dengan Rakan Di Bandar	81 (97.5%)	1 (1.2%)	0 (%)	1 (1.2%)	0 (%)	83 (100%)
3.	Bercakap Dengan Rakan Di Tempat Riadah	80 (96%)	3 (4%)	0 (%)	0 (%)	0 (%)	83 (100%)

Nota : Bahasa Melayu (BM), Bahasa Jawa (BJ), Bahasa Inggeris (BI), Bahasa Arab (BA), Bahasa Banjar (BNJR)

Jadual 4.4 menunjukkan pemilihan bahasa generasi muda masyarakat Jawa di Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjong Karang dalam domain persahabatan yang melibatkan komunikasi rakan-rakan. Pemilihan bahasa yang diuji dalam domain ini melalui 3 soalan iaitu ketika responden bercakap dengan rakan di kedai runcit (soalan 1), ketika bercakap dengan rakan di bandar (soalan 2) dan ketika bercakap dengan rakan di tempat riadah (soalan 3). Penggunaan Bahasa Melayu telah menunjukkan penggunaan bahasa yang tertinggi. Peratusan bahasa Melayu ialah 90% dan ke atas berbanding dengan bahasa yang lain. Bahasa kedua tertinggi ialah bahasa Jawa dengan peratusan tidak melebihi daripada 5% dan ke bawah serta bahasa yang paling rendah ialah campuran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (BM+BI) dengan peratusan 1.2% bagi situasi bertutur bersama rakan di bandar (soalan 2) sahaja.

Soalan-soalan yang diutarakan telah dapat mengenal pasti pemilihan bahasa di kalangan generasi muda masyarakat Jawa ketika bercakap dengan rakan ialah Bahasa Melayu. Responden kurang menggunakan Bahasa Jawa kerana tidak berkemahiran dalam menggunakannya ketika berkomunikasi. Penggunaan Bahasa Melayu lebih dominan dalam pertuturan harian bersama rakan-rakan. Hal ini kerana, semua generasi muda menggunakan bahasa yang mudah difahami di antara satu lain supaya komunikasi di antara mereka diterima dengan baik. (Soalan 1) telah menunjukkan komunikasi ketika di kedai runcit lebih memilih Bahasa Melayu kerana urusan jual beli lebih mudah dengan menggunakan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa Jawa. Merujuk kepada (soalan 2) responden ada menggunakan bahasa Jawa untuk berinteraksi dengan rakan iaitu sebanyak 1.2% dan bahasa Melayu adalah bahasa yang paling banyak dipilih sebanyak 97.5%. Bandar merupakan lokasi yang mempunyai kepelbagaian cara hidup dan fahaman yang tersendiri. Oleh itu, penggunaan Bahasa Melayu lebih menguasai pemilihan bahasa dalam kalangan generasi muda Masyarakat Jawa agar mesej komunikasi di antara mereka dapat difahami. Bahasa Jawa bukanlah bahasa yang sukar untuk digunakan tetapi 1% dalam (soalan 2) telah menunjukkan ada segelintir responden yang boleh menuturkan bahasa Jawa ketika bercakap dengan rakan. (Soalan 3) merupakan pemilihan bahasa generasi muda ketika bercakap dengan rakan di tempat riadah. Bahasa Melayu masih merupakan bahasa yang paling banyak dipilih dengan 96% berbanding bahasa Jawa 4%. Tempat riadah adalah tempat responden bersukan dan melakukan aktiviti kampung. Responden memilih Bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa untuk memastikan

setiap aktiviti riadah mempunyai komunikasi yang baik. Penggunaan bahasa Melayu dalam domain ini merupakan bahasa yang paling utama berbanding bahasa-bahasa lain.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa bahasa Melayu telah menjadi bahasa pilihan utama generasi muda masyarakat Jawa Kampung Seri Tiram dalam keempat-empat domain yang telah diuji. Tiga domain telah menunjukkan peratusan pemilihan penggunaan melebihi 90% iaitu domain pendidikan, domain agama dan domain persahabatan. Hasil penelitian kajian ini telah menunjukkan bahawa generasi muda masyarakat Jawa yang kurang menggunakan bahasa Jawa dan lebih memilih menggunakan bahasa Melayu sebagai komunikasi harian mereka.

Walau bagaimanapun, berdasarkan domain-domain yang telah diuji, bahasa Jawa masih digunakan dalam keempat-empat domain namun peratusan penggunaan adalah sangat rendah. Penggunaan paling banyak dilihat melibatkan domain keluarga.

Rujukan

- Abdul Razif Zaini. (2015). Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Tesis PhD UM*, 1–367. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/download/4622/2954/>
- Ang, K. H. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Komprehensif. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 1(4), 42–46.
- Ariyani, L. (2020). Kajian Sociolinguistik Penggunaan Bahasa dalam Film Yowis Ben Karya Fajar Nugros dan Bayu Eko Moektito (Bayu Skak). *Jurnal Adabiyat*, 1(1), 71–92.
- Blue, T., & Job, C. (2020). Faktor Pemilihan Pekerjaan Tidak Formal Dalam Kalangan Generasi Muda (The Blue Collar Job Selection among Youth). *Akademika*, 90(1 (SI)), 147–160.
- Batjo, N. S., & Mis, M. A. (2022). Pemilihan Bahasa Suku Kaum Melanau Di Mukah, Sarawak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4)
- Deckert, S. K., & Vickers, C. H. (2011). An Introduction to Sociolinguistics. In *An Introduction to Sociolinguistics*. <https://doi.org/10.5040/9781350934184>
- Ervin-Tripp, S. (1972). An Analysis of Interaction of Language, Topic, and Listener (ed. Fishman) dlm. *Reading In Sociology of Language*. Mouton
- Erna Andriyanti. (2019). Language shift among Javanese youth and their perception of local and national identities. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(3), 109-125.
- Fishman, Joshua A. (1972) *The Relation between Micro and Macro Sociolinguistics in the story of Who Speaks What Language to Whom and When*” *Sociocultural Change oleh Anwar D. Dil*. Stanford University Press.
- Fishman, Joshua A. (1972) *The Sociology of language*. Rowley, Mass: New bury House.
- Fishman, Joshua A. (1972) *The Relation between Micro and Macro Sociolinguistics in the story of Who Speaks What Language to Whom and When*. dlm. John B. Pride and Janet Holmes (eds) *Sociolinguistics*. Harmondsworth.
- Fishman, Joshua A. (1991). *Sosiologi Bahasa* (terj. Alias Mohammad Yatim). Penerbit Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- García, O., Schiffman, H., & Zakharia, Z. (2018). *Fishmanian Sociolinguistics (1949 to the Present)*. In *Language Loyalty, Continuity and Change* (pp. 3–68). <https://doi.org/10.21832/9781853599040-002>
- Halim, F. wati, Amin, A. S., Ibrahim, N., Sham, F. M., & Zuki, Z. (2018). Identiti Generasi Z dari Perspektif Personaliti, Motivasi Pencapaian dan Kesukarelawan: Impaknya Terhadap Kesiediaan Ke Tempat Kerja. *Prosiding International Colloquium on Integration Platform: Binding Differences and Diversity: Akal Budi Alam Melayu*, 24–45. <https://www.ukm.my/kita/wp-content/uploads/3.Manuskrip-ICIP.Dr-Fatimah-wati-Halim-A.pdf>
- Harun, K., & Yusof, M. (2015). Komunikasi Bahasa Melayu-Jawa dalam Media Sosial (Malay-Javanese Communication in Social Media). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 617–629. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3102-35>
- Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, Mohammed Azlan Mis & Norsimah Mat Awal.(2013). Pilihan Bahasa di Sempadan Malaysia-Thailand berdasarkan Analisis Domain. *Jurnal Linguistik Vol 17 No 2*.
- Holmes, J., & Wilson, N. (2022). An Introduction to Sociolinguistics, Sixth Edition. In *An Introduction to Sociolinguistics, Sixth Edition*. <https://doi.org/10.4324/9780367821852>
- Hussin, N. J., & Suhaimi, M. S. (2023). Pemilihan dan Penguasaan Bahasa dalam Kalangan Anak Pasangan Kahwin Campur Orang Asli Jakun: Language Selection and Proficiency of Mixed Marriages Children of

- Orang Asli Jakun. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13(1), 47–56. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v13i1.8424>
- Khairul Ashraaf Saari & Harishon Radzi .(2023). Pemilihan Bahasa dalam Kalangan Peserta Latihan dan Dakwah Orang Asli, Kok Lanas Berdasarkan Tiga Domain. *Jurnal Linguistik Vol. 27 (1) Mei 2023 (129-139)*
- Khalid, K. A. T., Shiratuddin, N., Hassan, S., Ahmad, A., & Abdul Rahman, N. L. (2018). Youth and socialisation: Relative behavior and perspective towards new media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 208–225. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3403-12>
- Ma'alip, S. (2015). Pemilihan Bahasa Dalam Komunikasi Di Laman Sosial. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 231–246.
- Mastika Adilah Atan. (2022). *Pemuliharaan Bahasa Jawa Di Kalangan Masyarakat Jawa Di Kampung Parit Lapis Laman, Johor*. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan. (Submitted)
- Noriah Mohamed & Meriam Abd. Karim (2005) "Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu Analisis Domain Penggunaan", *Jurnal Bahasa*, Mac, 1-50.
- Mis, M.A. (2020). *Pilihan Bahasa dan Lingua Franca*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mis, M. A. (2011). *Analisis Pilihan Bahasa Sebagai Lingua Franca di Sarawak*. 6, 1–230. [http://studentsrepo.um.edu.my/5705/1/THESIS_PHD_MOHAMMED_AZLAN_MIS_\(THA070002\)_FBL_UM_2011.pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5705/1/THESIS_PHD_MOHAMMED_AZLAN_MIS_(THA070002)_FBL_UM_2011.pdf)
- Mis, M. A. (2011). Pilihan Bahasa Oleh Suku Kaum Melanau Di Negeri Sarawak. *Jurnal Linguistik*, Jilid 14, DISEMBER 2011.
- Mis, M. A. (2012). Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum Di Sarawak: Kajian Lingua Franca. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(3), 903–922.
- Mohammad Firdaus Pawit, dan Normahdiah Sheik Said, (2014) *Pengaruh Bahasa Jawa dalam pembauran kod golongan muda Melayu berketurunan Jawa*. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 2 (3). pp. 77-85
- Mohamed, F., Sultan, M., Azman, F. A., & Malaysia, U. K. (2020). *Bahasa Jawa Ngoko Dalam Kerangka Program Minimalis*. 6812(2), 1–17.
- Mohd. Arif, M. A., Mohd Kiram, N., & Dani, N. A. (2020). Aplikasi Teori Analisis Domain dalam Domain Bahasa Etnik Melayu Brunei di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 59–75. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i7.442>
- Noriah Mohamed. (2001). *Jawa di balik Tabir*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noor Saadah Salleh, & Mohd Sharifudin Yusop. (2018). Status Kelestarian Bahasa Minoriti Kentaq. *International Journal of Humanities, Philosophy, Language*, 1(4), 1–22. www.ijhpl.com
- Nurul Atikah Marshid, dan Sa'adiah Ma'alip, (2018) Pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual : Minoriti Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (2). pp. 1-14. ISSN 2600-9501
- Nur Faaizah Binti Md Adam dan Mohd. Sharifudin Yusop. (2014). Pemilihan Bahasa Masyarakat Jahut Di Pahang. *Journal of Human Development and Communication*, 3(Special Issue), 141–161.
- Omar, N. E., & Abdullah, M. N. (2020). Daya Tahan Dari Perspektif Generasi Y di Terengganu. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 23, 70–83.
- Piaw, C. Y. (2011). *Kaedah dan statistik Penyelidikan* (Vol. 2, p. 346).
- Piaw, C. Y., & Don, Z. M. (2011). *A Grounded theory for Research Implementation in Schools*. October 2014.
- Rahilah Omar, & Nasrun Alias, T. K. S. (2016). Pemilihan Bahasa Masyarakat Chetti Di Melaka Language Choice of Chetti Community in Melaka. *Jurnal Melayu*, 15(2), 210–222.
- Renddan, B., Abdul Aziz, A. Y., Mohamad, H., & Sha'ri, S. N. (2020). Domain dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 96 - 107.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental research statistics for the behavioral sciences* (Second ed.). Holt Rinehart and Winston.
- Siti Aisah Zailani, and Riduan Makhtar, and Mohd Sharifudin Yusop .(2019). Pemilihan bahasa dalam masyarakat Semai di Hulu Selangor. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 16 (9). pp. 115-132. ISSN 1823-884x
- Said, S. (2014). Pengaruh Bahasa Jawa dalam pembauran kod golongan muda Melayu berketurunan Jawa. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 2(3), 77–85.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali, and Aishah Tamby Omar, and Wong, Mee Mee (2022) Domain dan pemilihan bahasa generasi muda Murut di daerah Keningau, Sabah. *GEMA ; Online Journal of Language Studies*, 22 (3). pp. 119-138. <https://doi.org/10.17576/gema-2022-2203-07>
- Wan Haslan Khairuddin, I. I. (2017). Metodologi Al-Radd `Ala Al-Nasara para Sarjana Muslim. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 10, 71–81.
- Zainoriyana Jamoran & Vivien WC Yew. (2017). Amalan Rewang dalam Masyarakat Jawa di Malaysia. *Journal of Society and Space*, 13 issue 3 (53-64) .

Biodata Ringkas Penulis:

Muhammad Danial Danish Yusman merupakan pelajar Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional. Bidang kajian beliau adalah melibatkan bidang sosiolinguistik dan bahasa minoriti.

Noor Saadah Salleh merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. Bidang kepakaran beliau ialah Sosiolinguistik, Psikolinguistik, dan Etnolinguistik. .